

Pergau: Rundingan semula tak perlu

KUALA LUMPUR 4 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Malaysia tidak akan meminta rundingan semula diadakan bagi mengkaji pinjaman oleh kerajaan Britain untuk projek Empangan Pergau.

Dr. Mahathir menafikan laporan berita dari Britain yang menyatakan Malaysia telah meminta rundingan diadakan semula bagi mengurangkan jumlah pinjaman yang telah dibuat.

Perdana Menteri berkata demikian kepada para pemberita selepas melancarkan Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pe-

kerjaan Kebangsaan, di sini, hari ini.

Beliau menegaskan, kerajaan tidak akan meminta jumlah pinjaman yang sedia ada dikurangkan kerana tetap berpegang kepada perjanjian yang telah dibuat.

Ditanya adakah Malaysia akan menerima tawaran jika kerajaan Britain bersetuju mengurangkan jumlah pinjaman, Perdana Menteri berkata, "kita tak mahu kalau kurang nanti, ada tuduhan terdapat unsur-unsur rasuah...susah nak berniaga dengan orang macam ini."

Mengenai tindakan Parlimen Britain yang di-

jangka akan membahaskan isu berkenaan, beliau berkata, perkara itu diserahkan kepada pihak berkenaan.

"Itu dia punya hal, kalau dia nak bahas, tetapi kalau kita buat perjanjian...kita kena tunaikan janji...perjanjian ini tidak boleh ditukar oleh mana-mana pihak dengan sewenang-wenangnya," tegasnya.

Mengenai langkah untuk mengeluarkan Malaysia daripada Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak akan membantah jika ia dibuat berdasarkan kepa-

da peningkatan ekonomi negara ini.

"Tetapi perhitungan itu mestilah dibuat secara betul dan adil...kita tidak hendak bantuan yang sepatutnya diberikan kepada negara lain yang memerlukan, diberikan kepada kita...itu tidak adil.

Berhak

"Bagaimanapun kalau kita berhak kita nak hak kita," katanya.

Dr. Mahathir berkata, dalam menentukan syarat bagi dimasukkan ke dalam UNDP, beliau tetap berpegang kepada cadangannya supaya peni-

laian dibuat berdasarkan kepada kuasa membeli dan bukannya nilai wang Amerika Syarikat (AS).

"Dolar AS tidak stabil, kadang-kadang naik dan kadang-kala turun. Bila dolar AS jatuh dan dibandingkan dengan ringgit Malaysia ternampak seolah-olah pendapatan kita meningkat sedangkan pendapatan kita adalah sama.

"Sebaliknya kalau mata wang Amerika naik berbanding ringgit Malaysia, tiba-tiba kita menjadi miskin. Oleh itu perkiraan berdasarkan AS tidak tepat..yang tepat ialah kuasa membeli," katanya.